

MEMBERIKAN PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI KEPADA ANDA DAN PENUMPANG ANDA

Sebagai pemandu yang bertanggungjawab, anda ingin memastikan bahawa semua penumpang di dalam kenderaan anda adalah dilindungi daripada keadaan yang tidak dijangka semasa dalam perjalanannya.

Mengapa Drive Smart Shield?



Kematian akibat Kemalangan/ Hilang Upaya Kekal

Dibayar sehingga jumlah diinsuranskan.



Perbelanjaan Perubatan

Pembayaran balik Perbelanjaan Perubatan seperti yang dinyatakan di dalam jadual manfaat.



Perbelanjaan Pengebumian

Membayar Perbelanjaan Pengebumian sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.



Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembedahan Kosmetik

Membayar balik perbelanjaan yang ditanggung seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.



Manfaat Pendapatan Hospital

Memberikan manfaat harian sebanyak RM50 bagi tempoh kemasukan ke hospital, sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari.



Perbelanjaan Penghantaran Balik

Membayar balik sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan yang dilakukan untuk menghantar pulang jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke rumah Orang Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian akibat Kemalangan.



Bonus Pembaharuan

Bonus Pembaharuan sehingga 50% (hanya dikenakan kepada pemandu Kenderaan Dinamakan).

Kelayakan

Bagi semua kenderaan komersial dan persendirian tidak termasuk motosikal, dengan kapasiti tempat duduk 1 tempat duduk sehingga maksimum 55 tempat duduk sahaja.

Pemandu berusia 18 tahun dan ke atas.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Facebook: AllianzMalaysia | Website: allianz.com.my
Pusat Hubungan Allianz: 1300 22 5542
E-mel: customer.service@allianz.com.my

JADUAL FAEDAH

Faedah - faedah	Jumlah Pokok yang Diinsurankan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Kematian akibat Kemalangan	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Hilang Upaya Kekal (sehingga)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Perbelanjaan Pengebumian	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembetulan Kosmetik (sehingga)	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Pendapatan Hospital (sehari, sehingga 180 hari)	50	50	50	50	50
Perbelanjaan Penghantaran Balik (sehingga)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
Bonus Pembaharuan (hanya dikenakan kepada pemandu Kenderaan Dinamakan)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)				

PREMIUM

Kapasiti Tempat Duduk (Termasuk Pemandu)	Premium Tahunan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
1	37.74	66.04	89.62	117.92	141.51
2 - 5	165.09	273.58	349.06	490.57	599.06
6 - 10	330.19	547.17	702.83	981.13	1,198.11
11 - 18	594.34	985.85	1,268.87	1,764.15	2,155.66
19 - 27	891.51	1,481.13	1,900.94	2,650.94	3,231.13
28 - 36	1,188.68	1,976.42	2,537.74	3,533.02	4,311.32
37 - 45	1,485.85	2,471.70	3,174.53	4,415.09	5,391.51
46 - 55	1,816.04	3,018.87	3,877.36	5,400.94	6,589.62

Nota: Premium Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

PENGECUALIAN

Insurans ini tidak akan terpakai dalam keadaan berikut:

- Kenderaan Dinamakan digunakan untuk perlumbaan, perhimpunan jalan raya, 'pacemaking', ujian kelajuan atau penggunaan untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan motor;
- Pihak Diinsurankan/pemandu tidak memiliki lesen memandu yang sah untuk memandu Kenderaan Dinamakan atau tidak layak untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu di bawah peraturan-peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Mahkamah Undang-Undang. Semua manfaat-manfaat berdasarkan Polisi ini tidak boleh diguna pakai untuk para penumpang di dalam Kenderaan Dinamakan ketika Kenderaan Dinamakan tersebut sedang dipandu oleh Pihak Diinsurankan/pemandu tersebut. Dengan pengecualian bahawa Pihak Diinsurankan/pemandu mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu tersebut di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang yang berkaitan;
- Ketika Kenderaan Dinamakan digunakan untuk menjalankan perniagaan haram sebagai pengangkutan awam yang tidak berlesen;
- Ketika pemandu berada di bawah pengaruh dadah atau minuman keras yang memabukkan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian penuh.

Risalah ini hanya untuk maklumat am sahaja dan bukan kontrak insurans. Penerangan manfaat-manfaat hanyalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat teliti yang diguna pakai adalah dinyatakan dalam Polisi.